

## Terms & Conditions

### **“Exclusive Dining Privileges with PB Visa Credit Card” Campaign PB Campaign for Credit Cardmembers**

#### Campaign Period

1. The “Exclusive Dining Privileges with PB Visa Credit Card” Campaign is valid from 1 May to 31 August 2026 (the “Campaign Period”).

#### Eligibility

2. This Campaign is open to all Public Bank Berhad (“PB”) Principal Visa Credit Cardmembers, PB Visa Commercial Card and PB Visa Business Card (hereinafter referred to as “Eligible Cardmember”) during the Campaign Period including employees of the Public Bank Group, Public Bank subsidiaries, Public Bank’s advertising agencies and their immediate families

#### Participation Criteria

3. To participate in this Campaign, Eligible Cardmember is required to register his participation during the Campaign Period in the following manner:-

- Online registration via PBe using Key Word: **PBCB**

OR

- SMS **PBCB** and send to **68333**

**Any online/SMS registration with a Supplementary Credit Card mobile phone number shall not be accepted and shall be void.**

4. Eligible Cardmember is required to register his participation using the mobile phone number that is registered with the Bank. In the event the mobile phone number or information provided by the credit cardmember during the registration process differs from the Bank’s system, the Bank reserves the absolute discretion to disqualify the said participation registration.
5. Eligible Cardmember with multiple credit cards is required to register only once and thereafter, the amounts charged on all other credit cards and the supplementary card(s) shall be automatically tracked for the purpose of tabulation of the Qualifying Retail Transactions.
6. The Eligible Cardmember is responsible to ensure that the online/SMS registration details are complete, accurate and sent during the Campaign Period. Proof of online/SMS registration sent does not constitute a confirmation of receipt by the Bank.

7. Eligible Cardmember who successfully registers for the Campaign will receive an acknowledgment of registration (applicable for online registration only) or a SMS confirmation from the Bank (applicable for registration via SMS only). The standard normal telecommunication operator charges apply for each SMS registration and shall be fully borne by the Eligible Cardmember.
8. In the event the SMS is incomplete/invalid, an outgoing SMS will be sent to the Eligible Cardmember, at no cost, to inform him to re-register via SMS.
9. The Bank will not be held responsible and reserves the absolute discretion to disqualify any registration from a supplementary cardmember, any duplicate entries, incomplete/inaccurate online/SMS registration, late entries, error messages, unsuccessful registration due to network failure and/or interruption experienced by a telecommunication operator or for any reason whatsoever as the Bank may in its absolute discretion deem fit.
10. If the date and time of a successful online/SMS registration or transaction date and time captured in the Bank's system differs or a dispute arises as to when the registration took place, the Bank's system date and time shall prevail.

**Campaign Mechanic**

11. After the successful online/SMS registration, the Eligible Cardmember is required to use any of his credit cards in the following manner to qualify for this Campaign:-

**RM50 Cash Back Campaign**

The Eligible Cardmember must spend his credit card for a minimum of RM688 in a single receipt for Qualifying Retail Transactions in any one participating month during Campaign Period to qualify for the following Cash Back payment:-

Spending Criteria	Cash Back payment per Eligible Cardmember per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)	Total Cash Back Allocation per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)	Maximum Cash Back payment per Eligible Cardmember per month on a <b>first-come, first-served basis</b> (RM)
RM688 in a single receipt at participating merchants	50	60,000	50

The participating merchants are as follow:-

- Grand Imperial Group
- Hee Lai Ton Restaurant
- Loon Sing Group of Restaurants
  - Loon Sing
  - Rong Cuisine
  - LS Seafood
  - LS X Park Restaurant
- Pekin Restaurant
- Restaurant Fui Chuai
- Restaurant Oversea
- Unique Seafood Group of Restaurants
  - Atlantic Seafood Restaurant
  - Unique Seafood PJ23
  - Pantai Seafood Restaurant
- Oriental Group
  - Noble House
  - Oriental Pavilion
  - Noble Q
  - Oriental Sun
  - Noble House East
  - Oriental Parade
  - Noble Mansion
  - Oriental Treasure
  - Oriental Star
  - Noble M
  - Oriental Landmark
  - Tang Room
  - The Ming Room
  - Yuan Room
  - The Han Room
  - Ruyi
  - Yu

12. The Bank will pay a maximum Cash Back payment of RM60,000 each participating month during the Campaign Period. The Cash Back payment per month is as follows:-

Participating Months	Participating Months Dates	Monthly Cash Back Allocation (RM)
Month 1	1 May - 31 May 2026	60,000
Month 2	1 June - 30 June 2026	60,000
Month 3	1 July - 31 July 2026	60,000
Month 4	1 August - 31 August 2026	60,000
Total		240,000

13. The maximum Cash Back payment will not exceed RM50 each participating month per Eligible Cardmember on a **first-come, first-served basis**.

Note:-

(1) “Qualified Retail Transactions” shall include participating merchant spending.

(2) “Qualified Retail Transactions” shall exclude transactions that the Bank may deem as non-retail transactions, including but not limited to transactions made by the Cardmember for business, commercial or resale purposes, purchases made in bulk and transactions made with any merchant associated or controlled by them (whether as an employee, employer, shareholder or director) e.g. transactions by Cardmember with any corporation or business entity in which he is an employee or employer or works with or has shares or interest in or is a director of. Exclude transactions that the Bank may deem as act or practice of deliberately misleading, hiding truth, or using artifice to gain advantage, involves dishonest behaviour, fraud, or tricks.

(3) Qualified Retail Transactions made by a Supplementary Cardmember shall be aggregated with the Eligible Cardmember’s and the total eligible Cash Back payment will only be credited into the Eligible Cardmember’s credit card account.

14. The Cash Back payment earned by the Eligible Cardmember shall be tracked in the following manner:-

Online/SMS registration Received in a Month	Qualifying Retail Transaction in each Tracking Month			
	M1	M2	M3	M4
M1	✓	✓	✓	✓
M2	-	✓	✓	✓
M3	-	-	✓	✓
M4	-	-	-	✓

*Note: M = Month*

For example,

A Eligible Cardmember successfully registered via online/SMS on Month 1 of the Campaign Period will have his Qualifying Retail Transactions being tracked for the Month 1, and thereafter till the end of the Campaign Period.

15. The tracking of Qualified Retail Transactions shall be based on transaction dates.

16. The Eligible Cardmember who participate for this Campaign during the Campaign Period will not be eligible for other PB Visa Credit Card Usage Campaign.

17. The Cash Back payment will be credited only into the Eligible Cardmember’s principal credit card account registered under this Campaign within FOUR (4) - TWELVE (12) weeks after the end of each tracking month and shall be reflected in the Eligible Cardmember’s credit card statement, itemised under “Exclusive Dining Privileges with PB Visa Credit Card - Month 1 to Month 4”.

18. In the event that after the Cash Back payment are credited into the Eligible Cardmember's credit card account, there is a reversal of entry made on any one of the Qualifying Retail Transactions, the Eligible Cardmember is required to reimburse the Bank the entire Cash Back payment credited into his account to the Bank.
19. The Cash Back payment are non-exchangeable for up-front cash or kind.
20. The Cash Back payment will be in addition to the Cash MegaBonus rewards/Reward Points/Cash Back/Green Point due to the Eligible Cardmember, if any.

### **General Terms and Conditions**

1. By participating in the Campaign, the Eligible Cardmember shall be deemed to have read, understood and agreed to be bound by the Terms and Conditions stated herein. The decision of the Bank shall be final, binding and conclusive. No correspondence, disputes and appeals will be entertained. The Bank further reserves the exclusive right to change, amend, delete or add on to these Terms and Conditions from time to time with at least twenty one (21) days prior notice at [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com) website.
  2. Any questions or queries on the Campaign, must be referred to PB Card Services & Support at 03-2170 8000.
  3. The Bank shall not be liable for any direct or consequential loss and damage or whatsoever suffered by the Eligible Cardmember, whether caused directly or indirectly, in whole or in part, from their participation in the Campaign or as a result of any act or omission on the part of the Bank.
  4. The Terms and Conditions herein are in addition to and without prejudice to the Terms and Conditions stated in the Cardmember Agreement applicable to the Eligible Cardmember's Card Account. In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and the said Agreement, these Terms and Conditions shall prevail in so far as they apply to the "Exclusive Dining Privileges with PB Visa Credit Card" Campaign.
  5. In the event of a conflict, discrepancy or variance in the terms and conditions in the English Language version and Bahasa Malaysia version, the terms and conditions of the English Language version shall prevail.
-

## Terma dan Syarat

### **Kempen “Keistimewaan Jamu Selera Eksklusif dengan Kad Kredit PB Visa” Kempen PB untuk Ahli Kad Kredit**

#### Tempoh Kempen

1. Kempen “Keistimewaan Jamu Selera Eksklusif dengan Kad Kredit PB Visa” ini sah dari 1 Mei hingga 31 Ogos 2026 (“Tempoh Kempen”).

#### Kelayakan

2. Kempen ini terbuka kepada semua Ahli Kad Kredit Utama Visa Public Bank Berhad (“PB”), Kad Komersial PB Visa dan Kad Perniagaan PB Visa (selepas ini dirujuk sebagai “Ahli Kad yang Layak”) semasa Tempoh Kempen termasuk kakitangan Kumpulan Public Bank, subsidiari Public Bank, agensi pengiklanan Public Bank dan ahli keluarga terdekat masing-masing.

#### Kriteria Penyertaan

3. Untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak dikehendaki mendaftar penyertaannya semasa Tempoh Kempen melalui cara yang berikut:-
  - Pendaftaran dalam talian melalui PBe menggunakan Kata Kunci: **PBCB**ATAU
  - SMS **PBCB** dan hantar kepada **68333**

**Apa-apa pendaftaran dalam talian/SMS dengan nombor telefon mudah alih Kad Kredit Tambahan tidak akan diterima dan hendaklah terbatal.**

4. Ahli Kad yang Layak dikehendaki mendaftar penyertaannya menggunakan nombor telefon mudah alih yang didaftarkan dengan Bank. Sekiranya nombor telefon mudah alih atau maklumat yang diberi oleh ahli kad kredit semasa proses pendaftaran tidak sama dengan data dalam sistem Bank, Bank berhak untuk menolak pendaftaran penyertaan tersebut.
5. Ahli Kad yang Layak yang mempunyai beberapa kad kredit dikehendaki mendaftar sekali sahaja dan selepas itu, amaun yang dicaj bagi semua kad kredit dan kad tambahan yang lain secara automatik akan dikesan bagi tujuan pengiraan Urus niaga Runcit yang Layak.
6. Ahli Kad yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan bahawa butiran pendaftaran dalam talian/SMS adalah lengkap, tepat dan dihantar semasa Tempoh Kempen. Bukti pendaftaran dalam talian/SMS yang dihantar bukanlah merupakan pengesahan penerimaan oleh Bank.

7. Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar untuk Kempen ini akan menerima pengakuan pendaftaran (diterima pakai untuk pendaftaran dalam talian sahaja) atau pengesahan SMS daripada Bank (diterima pakai untuk pendaftaran melalui SMS sahaja). Caj pengendali telekomunikasi biasa dikenakan bagi setiap pendaftaran SMS dan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Kad yang Layak.
8. Sekiranya SMS tersebut tidak lengkap/tidak sah, SMS balas akan dihantar kepada Ahli Kad yang Layak, secara percuma, untuk memaklumkan kepada beliau untuk mendaftar semula melalui SMS.
9. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan dan mempunyai hak mutlak untuk tidak melayakkan mana-mana pendaftaran daripada ahli kad tambahan, penyertaan serupa yang dihantar dua kali, pendaftaran dalam talian/SMS yang tidak lengkap/tidak tepat, penyertaan yang lewat, mesej yang silap, pendaftaran yang tidak berjaya disebabkan oleh kegagalan sistem dan/atau gangguan yang dialami oleh pengendali telekomunikasi atau atas apa jua sebab yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknyanya.
10. Sekiranya tarikh dan waktu pendaftaran dalam talian/SMS yang berjaya dibuat atau tarikh dan waktu urus niaga yang dirakam dalam sistem Bank berbeza atau timbulnya pertikaian mengenai masa pendaftaran dibuat, tarikh dan waktu dalam sistem Bank akan diterima pakai.

#### Mekanisme Kempen

11. Selepas pendaftaran dalam talian/SMS berjaya dibuat, Ahli Kad yang Layak dikehendaki menggunakan mana-mana kad kreditnya melalui cara yang berikut untuk layak bagi Kempen ini:-

#### **Kempen Ganjaran RM50**

Ahli Kad yang Layak mesti membelanjakan kad kredit beliau untuk amaun minimum sebanyak RM688 dalam resit tunggal untuk Urus niaga Runcit yang Layak dalam mana-mana satu bulan penyertaan semasa Tempoh Kempen untuk layak menerima bayaran Pulangan Tunai yang berikut:-

Kriteria Perbelanjaan	Bayaran Pulangan Tunai setiap Ahli Kad yang Layak setiap bulan <b>atas dasar siapa cepat, dia dapat</b> (RM)	Jumlah Peruntukan Pulangan Tunai setiap bulan <b>atas dasar siapa cepat, dia dapat</b> (RM)	Bayaran Pulangan Tunai maksimum setiap Ahli Kad yang Layak setiap bulan <b>atas dasar siapa cepat, dia dapat</b> (RM)
RM688 dalam resit tunggal di saudagar yang mengambil bahagian	50	60,000	50

Saudagar yang mengambil bahagian adalah seperti yang berikut:-

- Kumpulan Grand Imperial
- Restoran Hee Lai Ton
- Kumpulan Restoran Loon Sing
  - Loon Sing
  - Rong Cuisine
  - LS Seafood
  - Restoran LS X Park
- Restoran Pekin
- Restoran Fui Chuai
- Restoran Oversea
- Kumpulan Restoran Unique Seafood
  - Restoran Atlantic Seafood
  - Unique Seafood PJ23
  - Restoran Pantai Seafood
- Kumpulan Oriental
  - Noble House
  - Oriental Pavilion
  - Noble Q
  - Oriental Sun
  - Noble House East
  - Oriental Parade
  - Noble Mansion
  - Oriental Treasure
  - Oriental Star
  - Noble M
  - Oriental Landmark
  - Tang Room
  - The Ming Room
  - Yuan Room
  - The Han Room
  - Ruyi
  - Yu

12. Bank akan membayar bayaran Pulangan Tunai maksimum sebanyak RM60,000 setiap bulan penyertaan semasa Tempoh Kempen. Bayaran Pulangan Tunai setiap bulan adalah seperti yang berikut:-

Bulan Penyertaan	Tarikh Bulan Penyertaan	Peruntukan Pulangan Tunai Bulanan (RM)
Bulan 1	1 Mei – 31 Mei 2026	60,000
Bulan 2	1 Jun – 30 Jun 2026	60,000
Bulan 3	1 Julai – 31 Julai 2026	60,000
Bulan 4	1 Ogos – 31 Ogos 2026	60,000
Jumlah		240,000

13. Bayaran Pulangan Tunai maksimum tidak akan melebihi RM50 setiap bulan penyertaan bagi setiap Ahli Kad yang Layak, **atas dasar siapa cepat, dia dapat.**

Nota:-

- (1) “Urus niaga Runcit yang Layak” hendaklah termasuk perbelanjaan di saudagar yang mengambil bahagian.

- (2) “Urus niaga Runcit yang Layak” tidak termasuk urus niaga yang Bank anggap sebagai urus niaga bukan runcit, termasuk tetapi tidak terhad kepada urus niaga yang dibuat oleh Ahli Kad bagi tujuan perniagaan, komersial atau penjualan semula, pembelian secara pukal serta urus niaga yang dibuat dengan mana-mana saudagar yang berkaitan atau dikawal oleh mereka (sama ada sebagai pekerja, majikan, pemegang saham atau pengarah) misalnya urus niaga oleh Ahli Kad dengan mana-mana perbadanan atau entiti perniagaan yang beliau merupakan pekerja, majikan atau bekerja dengannya atau mempunyai saham atau kepentingan di dalamnya atau merupakan pengarah. Tidak termasuk urus niaga yang Bank mungkin anggap sebagai tindakan atau amalan yang disengajakan untuk mengelirukan, menyembunyikan kebenaran atau menggunakan muslihat untuk memperoleh manfaat, melibatkan perlakuan tidak jujur, penipuan atau helah.
- (3) Urus niaga Runcit yang Layak yang dibuat oleh Ahli Kad Tambahan akan digabungkan dengan urus niaga Ahli Kad yang Layak dan jumlah bayaran Pulangan Tunai yang layak hanya akan dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad yang Layak.

14. Bayaran Pulangan Tunai yang diperoleh oleh Ahli Kad yang Layak akan dikesan melalui cara yang berikut:-

Pendaftaran Dalam Talian/SMS yang Diterima dalam Sebulan	Urus niaga Runcit yang Layak dalam setiap Bulan yang Dikesan			
	B1	B2	B3	B4
B1	✓	✓	✓	✓
B2	-	✓	✓	✓
B3	-	-	✓	✓
B4	-	-	-	✓

*Nota: B = Bulan*

Misalnya,

Urus niaga Runcit yang Layak oleh Ahli Kad yang Layak yang berjaya mendaftar dalam talian/melalui SMS pada Bulan 1 dalam Tempoh Kempen akan dikesan untuk Bulan 1, dan selepas itu sehingga akhir Tempoh Kempen.

15. Pengesanan Urus niaga Runcit yang Layak adalah berdasarkan tarikh urus niaga.
16. Ahli Kad yang Layak yang mengambil bahagian dalam Kempen ini semasa Tempoh Kempen tidak layak untuk Kempen Penggunaan Kad Kredit PB Visa lain.
17. Bayaran Pulangan Tunai hanya akan dikreditkan dalam akaun kad kredit utama Ahli Kad yang Layak yang berdaftar di bawah Kempen ini dalam tempoh EMPAT (4) – DUA BELAS (12) minggu selepas akhir setiap bulan yang dikesan dan akan ditunjukkan dalam Penyata kad kredit Ahli Kad yang Layak, diperincikan di bawah “*Exclusive Dining Privileges with PB Visa Credit Card – Month 1 to Month 4*”.

18. Sekiranya selepas bayaran Pulangan Tunai dikreditkan dalam akaun kad kredit Ahli Kad yang Layak, berlaku penarikan balik entri terhadap mana-mana Urus niaga Runcit yang Layak, Ahli Kad yang Layak perlu membayar balik kepada Bank keseluruhan bayaran Pulangan Tunai yang dikreditkan dalam akaun beliau kepada Bank.
19. Bayaran Pulangan Tunai tidak boleh ditukar untuk wang tunai pendahuluan atau barang.
20. Bayaran Pulangan Tunai adalah sebagai tambahan kepada ganjaran MegaBonus Tunai/Mata Ganjaran/Pulangan Tunai/Mata Ganjaran Hijau yang perlu dibayar kepada Ahli Kad yang Layak, jika ada.

### **Terma dan Syarat Am**

1. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Ahli Kad yang Layak dianggap telah membaca, faham dan bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam ini. Keputusan Bank adalah muktamad, mengikat dan konklusif. Tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayani. Bank seterusnya mempunyai hak eksklusif untuk menukar, meminda, memotong atau membuat penambahan pada Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu melalui laman web [www.pbebank.com](http://www.pbebank.com).
  2. Apa-apa soalan atau pertanyaan mengenai Kempen ini mestilah dirujuk kepada Perkhidmatan Kad PB dan Sokongan melalui 03-2170 8000.
  3. Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan, sama ada secara langsung atau berikutan daripadanya, atas apa-apa kerugian dan ganti rugi atau apa juga pun yang dialami oleh Ahli Kad yang Layak, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, berikutan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau disebabkan oleh apa-apa tindakan atau ketertinggalan oleh Bank.
  4. Terma dan Syarat dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Perjanjian Ahli Kad yang diterima pakai bagi Akaun Kad Ahli Kad yang Layak. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan Perjanjian tersebut, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai setakat mana ia berkaitan dengan Kempen “Keistimewaan Jamu Selera Eksklusif dengan Kad Kredit PB Visa”.
  5. Sekiranya terdapat pertikaian, percanggahan atau keberlainan dalam terma dan syarat versi Bahasa Inggeris dengan terjemahan Bahasa Malaysia ini, terma dan syarat versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.
-